

Didenda RM10,000 kerana bunuh anjing

ISMANIZA AHMAD
23 FEBRUARI 2018



Anjing tersebut turut dilakukan bedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya. - Foto Jabatan Veterinar Negeri Perak.

A- A+ (Ubah saiz teks)

IPOH - Seorang lelaki yang memukul seekor anjing milik jirannya di Bercham Januari tahun lalu didenda RM 10,000 oleh Mahkamah Majistret Ipoh, hari ini.

Majistret Siti Hanum Mohmad Sah menjatuhkan hukuman itu terhadap Chew Kok Yew, 37, selepas tertuduh mengaku bersalah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, Kok Yew didakwa bertindak zalim dengan memukul seekor anjing jantan jenis poodle berwarna putih sehingga menyebabkan kematian anjing itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di tangga tingkat 1, Blok E-1-3 East Apartment, Jalan Perajurit 1, Bercham pada 11 Januari 2017.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 44(1)(a) Akta Binatang (semakan 2006) 1953 (Akta 647) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya menurut pindaan 2013 akta yang sama.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar, A Loganathan memohon hukuman berat sebagai pengajaran dan amaran kepada tertuduh dan masyarakat.